

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41, U44, U48, U52, U54.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab dalam aspek perawatan pemulihan pesakit dalam bidang pengkhususan berkaitan dan membuat penilaian, perancangan dan pengurusan program rehabilitasi terhadap pesakit-pesakit.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

- a. Menilai, merancang dan memberi rawatan pemulihan dalam bidang pengkhususan kepada pesakit.
- b. Menjalankan dan menganalisis keputusan ujian-ujian diagnostik untuk mengenal pasti sebab permasalahan dan tindakan rawatan yang perlu diambil.
- c. Menentukan jenis alat bantuan yang sesuai mengikut keperluan pesakit serta memberi khidmat nasihat tentang cara pemakaian dan penjagaan peralatan tersebut.
- d. Merujuk pesakit yang memerlukan pembedahan atau pengurusan perubatan kepada profesional lain.
- e. Menyelenggara program rehabilitasi serta rawatan susulan dan khidmat kaunseling.
- f. Merangka dan menguruskan program yang berkaitan untuk memberi kesedaran dan maklumat dan aktiviti penyelidikan

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Rakan sekerja di bahagian/ unit yang sama.
- b. Anggota di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.

Luaran

- a. Jabatan/ Agensi Kerajaan.
- b. Orang perseorangan.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar organisasi.

7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi atau kaunseling.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Bertanggungjawab, amanah dan sabar.
- b. Berupaya menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang sentiasa berurusan dengan pesakit/ ahli keluarga pesakit.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Tekanan (*stress*).

Sumber : Lampiran C Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2003.